

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelaksanaan 'ESSCOM dan ESSZONE' berjalan dengan lancar mengikut keperluan objektif keselamatan dan adakah tahap pencapaian kini boleh dianggap sebagai memuaskan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumuman penubuhan Kawasan Keselamatan Khas (Special Security Area) di Sabah ataupun dikenali sebagai ESSZONE (Eastern Sabah Security Zone) telah dilakukan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mac 2013 semasa lawatan pertama beliau ke Sabah selepas insiden pencerobohan di Lahad Datu. Sebanyak 10 buah daerah telah diwartakan sebagai Zon Kawasan Selamat yang mencakupi Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

ESSCOM pula telah ditubuhkan pada 1 April 2013. Antara aspek-aspek utama yang telah dipertanggungjawabkan kepada ESSCOM ialah untuk meningkatkan kawalan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas (ESSZONE), kawasan perairan timur Sabah, meningkatkan kemampuan risikan dan kawalan perairan yang lebih efektif.

Penwujudan ESSCOM telah menunjukkan percapaian yang memberansangkan. Dalam tempoh setahun setelah ESSCOM ditubuhkan, tahap keselamatan Pantai Timur Sabah amat memuaskan. Sejak berlakunya insiden di Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013, tiada lagi pencerobohan baru berlaku.

Sepanjang tempoh setahun penubuhan ESSCOM, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh agensi tersebut seiring dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada agensi tersebut. ESSCOM akan

meneruskan usaha untuk memastikan keadaan keselamatan di pantai timur Sabah terus terjamin berdasarkan teras-teras strategik yang telah dikenalpasti. Teras-teras strategik adalah seperti berikut:

- a) Memperkuatkan kawalan keselamatan Kawasan Timur Sabah secara bersepadu bagi mewujudkan persekitaran yang selamat;
- b) Meningkatkan keupayaan risikan dan perkongsian maklumat;
- c) Merancang dan menyelaras penempatan semula selaras dengan keperluan pemeliharaan keselamatan awam bagi meningkatkan kesejahteraan hidup;
- d) Memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat di kawasan Timur Sabah bagi mengukuhkan ketahanan nasional; dan
- e) Menyelaras program pembangunan sosio ekonomi sebagai pemangkin kepada keselamatan kawasan Timur Sabah

Kesemua aktiviti-aktivi tersebut telah melibatkan pelbagai agensi pusat dan negeri. Ini menunjukkan bahawa ESSCOM sehingga kini telah menjalin kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan negeri, pusat, penguatkuasaan dan keselamatan dengan berkesan. Pada kesimpulannya, sejak ESSCOM ditubuhkan sehingga kini, usaha-usaha yang telah dijalankan adalah mengikut perancangan yang disasarkan bagi mempertingkat kawalan keselamatan di kawasan timur negeri ini.

Sekian. Terima Kasih.